

# Marina dedah pembuat fitnah dalam Wanita UMNO



■ PUAN MARINA YUSOFF

KLUANG, Sabtu. — Puan Marina Yusoff, Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia, mendedahkan adanya si pembuat fitnah di kalangan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kluang di Dewan Jubli Intan.

"Saya masih lagi menjadi bahan fitnah seorang dua yang membawa mulut ke sana ke mari menuduh saya dengan berbagai hasutan, sedangkan saya sendiri tidak pernah berbuat demikian," kata Puan Marina.

Menurut beliau, sejak terpilih menduduki Majlis Tertinggi UMNO, si pembawa fitnah yang pakar itu telah mula resah dan tidak senang hati kerana beliau berjaya ke tempat itu.

"Mereka menyebarkan pula khabar karut, kononnya, saya berusaha memujuk ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO supaya memilih saya jika saya bertanding jawatan Ketua Pergerakan itu," kata beliau.

"Mereka sudah tiada modal lain, kecuali melahirkan apa saja isu yang boleh menyebabkan ahli-ahli marah dan hilang kepercayaan kepada pemimpin yang bukan dalam kumpulan-nya," sambung beliau.

Puan Marina juga menerangkan bahawa beliau meninggalkan Pergerakan Wanita UMNO dulu adalah kerana tidak tahan berhadapan dengan fitnah yang dilemparkan kepadanya.

"Mungkin ketika itu darah saya muda, masih panas dan tak tahan menerima beraneka cemuhan, saya tidak berfikir panjang terus angkat kaki.

"Tetapi, sekarang saya tidak gelojoh lagi, tidak mudah bebal dan tidak mudah merajuk walaupun saya sentiasa menjadi bahan fitnah kawan-kawan kita dalam Pergerakan Wanita UMNO," sambung beliau.

Menurut Puan Marina, setelah si pembuat

fitnah ini tidak dapat menjual 'jarum' mereka menukar haluan dengan berkata saya menaburkan wang sebanyak-banyaknya untuk membeli undi.

"Munasabahkah di akal, saya ini yang tidak sekaya mereka sanggup menaburkan wang untuk membeli undi? Berapakah jumlah wang yang saya taburkan kepada Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kluang ini?" tanya Puan Marina.

Bahan terbaru yang disebarkan, menurut Puan Marina, ialah soal beliau tidak ada 'practicing certificate'. Tragedi belisau jatuh kuda dipersenda-sandakan semahu-mahunya.

"Inilah antara tohmah yang dihamburkan kepada saya."

Puan Marina yang menumpukan ucapannya kepada soal fitnah dalam

parti juga menyebut tentang fitnah terhadap Datuk Harun Idris. Ada fitnah yang mengatakan Datuk Harun berusaha keras untuk menumbangkan Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam.

"Dari maklumat balas yang saya terima, orang yang menabur fitnah terhadap Datuk Harun itu tidak lain dan tidak bukan adalah 'orang yang pernah diangkanya dahulu', tetapi kini berpaling tadah kerana mementingkan kedudukan dan perut sendiri," terang Puan Marina.

Bagaimanapun Puan Marina enggan menerangkan siapakah gerakan mereka itu, tetapi beliau yakin lama kelamaan siapa mereka ini akan diketahui umum.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia